



# **UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGGAL 45**

**AKTA PETROLEUM (TALIAN PAIP)**

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**EDISI SEMAKAN**

**PENGGAL 45**

**PETROLEUM (TALIAN PAIP)**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran pendek
2. Tafsiran
3. Kebenaran untuk memasang talian paip adalah perlu
4. Notis untuk memutus talian paip yang dipasang tanpa kebenaran
5. Hukuman kerana menyambung semula tanpa kebenaran
6. Notis kepada pemilik tanah mengenai hasrat hendak memasang talian paip
7. Persetujuan terhadap cadangan
8. Tatacara apabila pemilik kehilangan upaya
9. Penentangan cadangan
10. Tatacara
11. Pampasar kepada pemilik yang kehilangan upaya

12. Wang yang disimpan hendaklah dibayar atas perintah Mahkamah Tinggi
  13. Kuasa untuk memasuki tanah bagi memeriksa dan membaiki paip
  14. Menghalang pemilik talian paip dan orang lain yang berkepentingan
  15. Tanggungan pemilik paip untuk membuat pampasan kerana kerosakan
  16. Pemilik talian paip boleh diisyiharkan sebagai pengangkut umum
  17. Aturan-aturan dan peraturan-peraturan
  18. Talian paip di dalam, di atas atau menyeberangi suatu jalan raya awam
-

## AKTA PETROLEUM (TALIAN PAIP)

**Satu Akta untuk mengadakan syarat berhubung dengan pemasangan paip bagi maksud menghantar minyak.**

2 tahun  
1920  
(Peng. 45  
tahun  
1951)  
S.99/59  
3 tahun  
1963

*Permulaan kuatkuasa : 4 Mac 1920*

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Petroleum (Talian Paip).

Gelaran pendek

2. Dalam Akta ini —

Tafsiran

“orang” termasuk suatu perbadanan, sama ada kumpulan atau tunggal ;

“petroleum” bermakna petroleum sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perlombongan Petroleum ;

Peng. 44

“paip” dan “talian paip” bermakna suatu paip atau talian paip yang digunakan atau dimaksudkan hendak digunakan bagi menghantar petroleum atau ke luaran petroleum pukal dari suatu tempat penyimpanan utama ke suatu tempat pengagihan atau suatu tempat pengeksportan dari Negara Brunei Darussalam ;

“jalan raya awam” bermakna sebarang lebuh raya melalui darat sama ada bagi lalulintas jalan kaki, kendali atau beroda yang disenggara dari kumpulan wang awam atau terbuka untuk kegunaan awam.

3. (1) Adalah tidak sah bagi mana-mana orang untuk menggunakan atau memasang dan menyambung di atas sebarang tanah di Negara Brunei Darussalam (sama ada tanah itu milik mana-mana orang itu atau tidak) sebarang paip tanpa kebenaran yang didapati dan diperolehi terlebih dahulu.

Kebenaran untuk memasang talian paip adalah perlu

(2) Tiap-tiap orang yang berhasrat hendak mendapatkan kebenaran untuk menggunakan atau memasang dan menyambung sebarang talian paip itu hendaklah memohon secara bertulis kepada Menteri bagi mendapatkan kebenaran untuk berbuat demikian.

(3) Permohonan itu hendaklah disertakan dengan suatu pelan tanah yang menunjukkan, dengan seberapa sama yang boleh, nama-nama pemilik dan penghuninya, dan juga arah dan haluan talian paip itu dan kedudukan sebarang stesen mengepam, tangki atau kerja lain berhubung dengan talian paip itu.

(4) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat boleh selepas itu, dan atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh baginda, memberi kebenaran kepada pempetisyen itu —

(a) untuk menggunakan sebarang talian paip ;

(b) untuk memasang dan menyambung sebarang talian paip di atas tanah yang mungkin milik pempetisyen itu atau di atas tanah di mana dia mungkin telah mendapat izin lalu, dan mengenai tanah, jika ada, yang bukan miliknya atau di atas tanah di mana dia tidak mendapat izin lalu, untuk melakukan tindakan selanjutnya di bawah bab 6.

4. (1) Jika sebarang talian paip digunakan atau dipasang dan disambung dengan melanggar syarat-syarat bab 3, maka adalah sah bagi Menteri dengan notis secara bertulis yang hendak disampaikan kepada pemilik atau penghuni sebarang tanah di mana talian paip itu mungkin dipasang atau talian paip itu mungkin melalui tanah itu, untuk menghendaki supaya talian paip itu diputus dengan segera dan menjadi tidak berguna bagi maksud menghantar minyak.

Notis  
untuk  
memutus  
talian  
paip yang  
dipasang  
tanpa  
kebenaran

(2) Dalam sebarang hal dalam mana pemilik atau penghuni sebarang tanah itu tidak diketahui atau tidak dapat dijumpai, maka notis itu boleh disampaikan dengan melekat-kannya pada suatu tempat yang mudah dilihat di tanah itu.

(3) Jika kehendak-kehendak sebarang notis itu tidak dipatuhi dalam masa 48 jam dari penyampaian atau pelekatannya, maka adalah sah bagi mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri dengan pekerja-pekerja dan pembantu-pembantu yang mungkin diperlukan untuk memasuki sebarang tanah dan menjalankan kehendak-kehendak notis itu, dan selepas itu untuk memasuki semula dari masa ke semasa bagi menguatkuasakan dan sentiasa menguatkuasakan kehendak-kehendak itu tanpa perintah atau kebenaran lanjut.

(4) Pengemukaan kebenaran bertulis itu adalah keterangan yang mencukupi mengenai perkara itu, dan bukti tandatangan mengenainya adalah tidak perlu.

(5) Mana-mana orang yang menghalang penyempurnaan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa demikian, pekerja-pekerja atau pembantu-pembantunya apa-apa yang dikehendaki untuk dilakukan bagi menguatkuasakan kehendak-kehendak sebarang notis itu selagi ianya berkuatkuasa adalah melakukan kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$500.

5. Seseorang yang, selepas sebarang talian paip telah diputus menurut syarat-syarat bab 4, menyambungnya semula, tanpa membuat permohonan dan mendapatkan kebenaran di bawah bab 3 adalah melakukan kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$00 dan \$100 bagi tiap-tiap hari selama talian paip itu berterusan disambung semula.

Hukuman  
kerana  
menyambung  
semula  
tanpa  
kebenaran

6. Tiap-tiap orang yang berhasrat hendak memasang talian paip di atas tanah orang lain yang telah mendapatkan kebenaran untuk melakukan tindakan selanjutnya sebagaimana yang disebutkan dalam perenggan (b) ceraian (4) dari bab 3, hendaklah memberi notis secara bertulis kepada pemilik-pemilik tanah itu mengenai hasratnya hendak memasang

Notis  
kepada  
pemilik  
tanah  
mengenai  
hasrat  
hendak  
memasang  
talian  
paip

talian paip itu, dan mengenai niatnya selepas habis tempoh 14 hari dari tarikh notis itu pada suatu hari yang ditentukan untuk memasuki tanah itu bagi maksud menetapkan kedudukan talian paip itu, dan dalam masa 14 hari dari kemasukannya hendaklah menyampaikan kepada tiap-tiap pemilik itu suatu keterangan secara bertulis yang mengandungi butir-butir lengkap perihalan dan kedudukan cadangan talian paip itu.

Persetujuan terhadap cadangan

7. Mana-mana pemilik itu selepas menerima notis dan keterangan butir-butir itu boleh menyetujui terhadap pemasangan talian paip itu atas pembayaran pampasan sebagaimana yang mungkin dipersetujui, dan sebarang persetujuan yang diberi hendaklah mengikat semua pihak yang memiliki sebarang estet atau kepentingan ke atas tanah itu.

Tatacara apabila pemilik kehilangan upaya

8. Apabila pemilik tanah itu belum cukup umur atau lemah mental atau tidak boleh membaca dan menulis atau menderita sebarang kehilangan upaya atau ketakdayaan lain, maka kedua-dua belah pihak hendaklah hadir di hadapan Menteri yang akan menyimpan suatu rekod semua perjanjian itu, dan tiada perjanjian itu boleh berkuatkuasa sehingga ianya telah disahkan oleh Menteri sebagai adil dan munasabah.

Penentangan cadangan

9. (1) Seseorang pemilik hendaklah dianggap sebagai telah mempersetujui cadangan hendak memasang talian paip di atas tanahnya jika dia gagal menyatakan penentangannya dalam masa 3 bulan selepas penyampaian notis kepadanya di bawah bab 6.

(2) Jika berlaku penentangan ianya hendaklah diputuskan oleh Menteri atas permohonan orang yang berhasrat hendak memasang talian paip itu, melainkan jika pihak-pihak itu sama-sama bersetuju untuk menerima timbangtara, persoalan-persoalan yang berikut, iaitu —

- (i) sama ada talian paip yang dicadangkan itu akan menyebabkan sebarang kerosakan kepada pemilik itu, atau kepada penghuni atau orang lain yang berkepentingan ke atas tanah itu ; dan

(ii) sama ada sebarang kerosakan yang mungkin berlaku adalah dari jenis atau bukan dari jenis yang membenarkan pemberian pampasan sepenuhnya dengan wang.

(3) Hasil dari sebarang keputusan itu adalah seperti berikut, iaitu —

(a) jika keputusan itu adalah bahawa tiada kerrosakan berlaku kepada pemilik, penghuni atau pihak-pihak lain yang berkepentingan ke atas tanah itu, maka orang yang memberi notis itu boleh terus memasang talian paip itu dengan serta-merta ;

(b) jika keputusan itu adalah bahawa kerosakan berlaku kepada pemilik, penghuni atau pihak lain yang berkepentingan ke atas tanah itu, tetapi kerosakan itu adalah dari jenis yang membenarkan pemberian pampasan sepenuhnya dengan wang, maka Menteri atau penimbangtara-penimbangtara hendaklah terus menaksir pampasan itu dan membahagikannya di antara pihak-pihak yang berhak terhadapnya atas penghukumannya atau mereka tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam bab 11 ; dan atas pembayaran sejumlah wang yang ditaksir demikian maka orang yang memberi notis itu boleh terus memasang talian paip yang dicadangkan itu ;

(c) jika keputusan itu adalah bahawa kerosakan berlaku kepada pemilik, penghuni atau pihak lain yang berkepentingan ke atas tanah itu, dan bahawa kerrosakan itu adalah bukan dari jenis yang membenarkan pemberian pampasan sepenuhnya dengan wang, maka orang yang memberi notis itu tidak berhak memasang talian paip yang dicadangkan itu.

10. Jika sebarang permohonan dibuat di bawah bab 9, Menteri boleh menyaman pihak-pihak itu supaya hadir di hadapannya pada masa dan tempat yang dinyatakan dalam saman itu, dan atas kehadiran pihak-pihak itu, atau semasa

Tatacara

ketiadaan salah satu pihak, atas bukti penyampaian saman itu yang sewajarnya, maka adalah sah bagi Menteri untuk mendengar dan memutuskan persoalan itu dan jumlah pampasan dan bagi maksud itu untuk memeriksa pihak-pihak itu atau salah satu pihak dan saksi-saksi mereka atas sumpah, dan kos tiap-tiap siasatan itu adalah atas budibicaranya dan dia hendaklah menyelesaikan jumlahnya.

Pampasan  
kepada  
pemilik  
yang  
kehilangan  
upaya

**11.** Jika pampasan ditaksir oleh Menteri atau penimbang-tara-penimbangtara di bawah bab 10 adalah kena dibayar kepada mana-mana pemilik atau orang lain yang menderita sebarang kehilangan upaya atau ketakdayaan, atau tidak berhak menerimanya bagi faedahnya sendiri, atau tidak berada di Negara Brunei Darussalam, atau apabila sebarang kesulitan atau masalah lain timbul, maka pampasan itu hendaklah dibayar kepada Mahkamah.

Wang  
yang  
disimpan  
hendaklah  
dibayar  
atas  
perintah  
Mahkamah  
Tinggi

**12.** Atas permohonan dengan petisyen daripada mana-mana orang yang membuat tuntutan terhadap sebarang wang yang disimpan di bawah bab 11, Mahkamah Tinggi boleh secara terus atas kos orang yang memberi notis di bawah bab 6, dan selepas notis sebagaimana yang mungkin dianggap patut oleh Mahkamah dan kepada orang atau orang-orang sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah, memerintahkan pembahagian dan pembayaran wang itu masing-masing mengikut hak dan kepentingan orang-orang yang membuat tuntutan terhadap wang itu atau mana-mana bahagiannya dan boleh membuat perintah lain bagi perkara yang tersebut di atas sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Kuasa  
untuk  
memasuki  
tanah bagi  
memeriksa  
dan  
membaiaki  
paip

**13. (1)** Selepas talian paip telah dipasang menurut syarat-syarat Akta ini, adalah sah bagi pemilik atau orang yang menjaga talian paip itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh salah seorang daripada mereka dari masa ke semasa apabila ianya menjadi perlu, untuk memasuki tanah di mana talian paip itu telah dipasang melaluinya bagi maksud memeriksa dan dengan bantuan yang mungkin diperlukan membaiikinya, atau jika talian paip itu tidak lagi dikehendaki, bagi maksud memindahkannya.

(2) Apabila talian paip itu dipindahkan, permukaan tanah hendaklah dipulihkan dengan segera kepada keadaannya yang terdahulu. Jika ingkar pemulihan itu boleh dijalankan oleh pemilik tanah, dan kosnya boleh didapatkan kembali daripada orang yang bertanggungan terhadapnya di Mahkamah dengan jumlahnya yang tiada terhad.

**14.** Mana-mana orang yang mengadang, menghalang atau mengganggu perjalanan oleh mana-mana pemilik atau orang yang menjaga suatu talian paip, atau oleh mana-mana orang lain, atau oleh orang gaji atau ejen-ejen yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis mana-mana pemilik atau orang itu sebarang hak bagi memasuki tanah yang diberikan oleh Akta ini bagi maksud memasang dan menyambung atau membaiki, memeriksa atau memindahkan sebarang talian paip adalah melakukan kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$500.

Menghalang  
pemilik  
talian paip  
dan orang  
lain yang  
ber-  
kepentingan

**15.** Syarat-syarat Akta ini hendaklah tidak melepaskan mana-mana pemilik suatu talian paip dari tanggungan untuk membuat pampasan kepada pemilik atau penghuni tanah atau ejen-ejen, pekerja-pekerja atau orang gaji pemilik atau penghuni itu kerana sebarang kerosakan atau kecederaan yang dilakukan atau disebabkan oleh perjalanan atau penggunaan sebarang kuasa atau kebenaran yang dengan ini diberikan atau oleh sebarang pencerobohan yang menyalahi aturan atau tindakan salah yang lain dalam menyempurnakan Akta ini, atau dengan memutus atau memecahkan sebarang paip, atau dengan sebab sebarang kecacatan pada sebarang paip :

Tanggungan  
pemilik  
paip  
untuk  
membuat  
pampasan  
kerana  
kerosakan

Dengan syarat bahawa jika sebelum tindakan diambil berkaitan dengannya pemilik talian paip itu membuat tawaran untuk memberi gantirugi yang mencukupi kepada pihak yang tercedera, maka pihak terakhir yang disebutkan itu hendaklah tidak menuntutnya dalam sebarang tindakan.

Pemilik  
talian  
paip  
boleh  
diisytihar-  
kan  
sebagai  
pengangkut  
umum

**16.** Adalah sah bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat untuk mengisytiharkan bahawa sebarang talian paip atau sistem talian paip hendaklah dianggap sebagai dan merupakan pengangkut umum ; dan dari dan selepas penyiaran perisyiharan itu pemilik-pemilik atau pengendali-pengendali setiap talian paip atau sistem talian paip itu hendaklah pada setiap masa, menurut aturan-aturan dan peraturan-peraturan sebagaimana yang mungkin dibuat dari masa ke semasa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, mengadakan peruntukan penuh dan mencukupi berhubung dengan pengangkutan minyak mentah, sebagai pengangkut umum itu dan hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, menambah keupayaan mengangkut sebarang talian paip atau sistem talian paip itu dan keupayaan stesen-stesen mengepam, tangki-tangki dan perkakas-perkakas lain mereka :

Dengan syarat bahawa pemilik-pemilik atau pengendali-pengendali itu hendaklah tidak terikat untuk menambah keupayaan talian paip, tangki-tangki, stesen-stesen mengepam dan perkakas-perkakas lain mereka kecuali atas permintaan pengeluar-pengeluar minyak mentah, yang telah memberi jaminan yang memuaskan hati Menteri mengenai kekekalan pembekalan minyak mentah yang hendak diangkut oleh pemilik-pemilik atau pengendali-pengendali itu, dan bahawa pemilik-pemilik atau pengendali-pengendali itu hendaklah tidak terikat untuk mengangkut minyak mentah di bawah takat kilat yang mungkin ditetapkan dari masa ke semasa oleh Menteri, atau dengan jalan lain dari menurut aturan-aturan dan peraturan-peraturan yang hendak dibuat sebagaimana yang disebutkan di atas :

Dengan syarat juga bahawa pemilik-pemilik atau pengendali-pengendali itu hendaklah tidak diwajibkan untuk menempatkan pada satu-satu masa untuk kegunaan orang awam lebih dari 20 *peratus* dari keupayaan mengangkut penuh talian paip mereka sebagaimana yang ditetapkan pada masa itu.

17. Aturan-aturan dan peraturan-peraturan yang disebutkan dalam bab 16 boleh antara lainnya menetapkan suatu had kepada kadar-kadar yang boleh dikenakan oleh pemilik-pemilik atau pengendali-pengendali suatu talian paip bagi mengangkut minyak, dan syarat-syarat yang mengikat pemilik-pemilik atau pengendali-pengendali itu untuk mengangkut minyak, dan boleh menetapkan hukuman yang tidak melebihi dari \$500 terhadap pelanggaran sebarang aturan atau peraturan itu oleh pemilik-pemilik atau pengendali-pengendali itu, dan mengadakan suatu kaedah bagi memutuskan segala persoalan mengenai pelaksanaan kewajipan mereka terhadap orang awam, termasuk persoalan mengenai ganti-rugi yang kena dibayar oleh pemilik-pemilik atau pengendali-pengendali itu atau tanggungan lain mereka kerana gagal melaksanakan kewajipan itu. Pemilik-pemilik dan pengendali-pengendali itu hendaklah menyempurnakan bagi faedah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, dan penganti-pengganti baginda, suatu bon dengan 2 orang penjamin atau lebih, yang akan diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, dengan wang sebanyak \$10,000, yang disyaratkan bagi pembayaran oleh mereka akan sebarang hukuman atau pembayaran sebarang jumlah wang itu dalam mana mereka mungkin bertanggungan di bawah aturan-aturan atau peraturan-peraturan itu dan bagi mematuhi sebarang keputusan itu sebagaimana yang disebutkan di atas.

18. Adalah sah bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat untuk memberi kebenaran kepada mana-mana orang bagi memasang dan menyambung suatu talian paip di dalam, di atas atau menyeberangi sebarang jalan raya awam di bawah syarat-syarat yang difikirkan patut oleh baginda, dan selepas itu adalah sah bagi orang itu untuk memasang talian paip itu tertakluk kepada syarat-syarat tersebut dan untuk menjalankan segala hak, kuasa dan keistimewaan yang diberikan olehnya tanpa halangan atau gangguan oleh mana-mana orang lain.

Aturan-  
aturan  
dan  
peraturan-  
peraturanTalian  
paip  
di dalam,  
di atas  
atau  
menye-  
berangi  
suatu  
jalan raya  
awam